

Dr. Mahathir nafi hubungan dengan Daim renggang

UM 12 MAY 2000

KUALA LUMPUR 11 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak khabar angin kononnya hubungan beliau dengan Tun Daim Zainuddin semakin renggang sekarang.

Perdana Menteri turut menyangkal yang Daim akan melepaskan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Sebaliknya, beliau menjelaskan, hubungan antara kedua-dua mereka adalah seperti biasa malah masih boleh tersenyum serta sama-sama mentadbirkan negara.

Perdana Menteri menegaskan demikian semasa ditanya mengenai khabar angin itu pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung UMNO pada hari pertama ditangguhkan, petang ini.

Khabar-khabar angin mengenai pergeseran antara Dr. Mahathir dan Daim timbul sejak beberapa bulan lalu.

Begitu juga desas-desus kononnya. Daim akan berundur daripada jawatan Menteri Kewangan.

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan pelantikan Datuk Nor Mohamed Yakcop

sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dalam hal ehwal kewangan.

Sebelum ini Daim dikenali sebagai penasihat ekonomi negara.

Dr. Mahathir menjelaskan. Daim pernah menyatakan hasratnya untuk berundur sebagai Menteri Kewangan apabila ekonomi negara pulih semula.

Perdana Menteri berkata, itu adalah antara syarat yang ditetapkan oleh Daim semasa diminta menyertai kabinet semula bagi membantu kerajaan menangani masalah kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, Daim diambil semula dalam kabinet kerana kerajaan kekurangan kepakaran dalam ekonomi untuk menangani masalah ekonomi.

“Daim mahu berada ‘sementara’ dalam kerajaan sehingga ekonomi pulih sepenuhnya.

“Saya tidak tahu, mungkin dia berundur jika keadaan ekonomi sudah pulih dan balik kepada asal dengan kadar pertumbuhan lapan peratus setahun,” katanya.